

'Kemarahan pemimpin Barat bukti mereka tidak boleh dikritik'

KUALA LUMPUR 22/6/03

KEMARAHAN pemimpin Barat terhadap kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kolonisme bangsa Eropah menunjukkan sikap cepat melenting dan tidak toleransi kepada kritikan, terutama kritikan oleh bangsa Asia.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata reaksi itu mendedahkan bahawa Barat tidak mahu menerima teguran pihak lain, walaupun analisis membuktikan kritikan itu satu kebenaran.

Beliau ditanya mengenai kenyataan yang memetik pegawai kanan kepada Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Colin Powell, yang menyifatkan ucapan dasar Perdana Menteri dan Presiden Umno mengenai sikap orang Eropah pada perasmian Perhimpunan Agung Umno ke-54, Khamis lalu, sebagai 'karut'.

"Mereka (Barat) cepat marah apabila orang Asia memberi pandangan ilmiah. Kritikan Dr Mahathir adalah satu analisis yang lazim dibuatnya dan kali ini, beliau ingin memberi kefahaman kepada ahli Umno bahawa mereka tidak boleh mudah selesa.

"Kita bukan bersifat anti-Barat, tetapi apa salahnya kita menyuarakan pandangan terhadap konflik antarabangsa yang mana sejarah membuktikan bahawa banyak konflik dicituskan mereka (Eropah)," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas lawatan ke Pusat Akhbar perhimpunan agung semalam, Syed Hamid berkata, ucapan dasar Dr Mahathir adalah berdasarkan bagaimana Malaysia dijajah pihak Barat.

"Kalau kita tengok sejarah dan bagaimana kita dikuasai dulu, adakah penganalisan kita salah? Kritikan Dr Mahathir mempunyai justifikasi yang munasabah," katanya.

Mengenai sama ada Malaysia akan terus bersuara memperjuangkan ketidakadilan pada peringkat antarabangsa selepas persaraan Perdana Menteri, Syed Hamid berkata,

"Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) yang akan menggantikan Dr Mahathir Oktober ini telah memaklumkan kepada wakil parti luar negara yang Malaysia akan meneruskan dasar luar sedia ada."

Beliau berkata, Malaysia mempunyai tradisi bagi mana-mana pemimpin untuk meneruskan dasar negara yang sedia ada tetapi terpulang kepada Abdullah untuk menentukan bentuk pelaksanaan yang akan dilakukannya, dengan dasar pokok dikedalkan.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, banyak anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) meminta Malaysia mengemukakan calon bagi jawatan Setiausaha Agung pertubuhan itu.

Sehubungan itu, beliau berkata, Wisma Putra akan membentangkan cadangan itu, terutama permintaan supaya Dr Mahathir menjawatnya selepas Oktober kelak.